



SIARAN MEDIA
PROGRAM CSR JELAJAH SARINGAN KESIHATAN PERKESO UNTUK
PENDUDUK SEKITAR SEPANG

SEPANG, SELANGOR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah menganjurkan **Program CSR Jelajah Saringan Kesihatan PERKESO** pada hari ini, bertempat di Dewan Komuniti Sungai Pelek, Selangor.

Program CSR Jelajah Saringan Kesihatan PERKESO yang dihadiri Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Tuan V. Sivakumar, ini dilaksanakan dengan tujuan menawarkan saringan kesihatan secara percuma, terutamanya selepas pandemik COVID-19 kepada semua penduduk di sekitar Sungai Pelek.

Menerusi program ini, antara parameter saringan kesihatan yang ditawarkan adalah pemeriksaan tinggi, berat, *body mass index* (BMI), ukur lilit pinggang, tekanan darah serta ujian gula dan kolestrol dalam darah. Selain itu, sesi ceramah kesihatan dijalankan sebagai platform perkongsian ilmu kepada penduduk berhubung kesedaran dan kaedah penjagaan kesihatan.

Sejak tahun 2013, PERKESO telah memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk mempromosikan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan pekerja di seluruh negara. Antaranya, Program Saringan Kesihatan PERKESO (HSP) dan Program Promosi Kesihatan di Tempat Kerja (WHP).

Kedua-dua program utama ini telah disusuli dengan pelbagai siri pelaksanaan program yang lain dari semasa ke semasa dengan kerjasama majikan bagi memastikan pekerja menjalani pemeriksaan kesihatan untuk mengenal pasti sebarang penyakit pada peringkat awal seterusnya mengelakkan risiko menjadi lebih serius.

Melalui HSP, PERKESO menawarkan saringan kesihatan secara percuma kepada pencarum PERKESO yang layak bagi pengesanan awal penyakit tidak berjangkit (*non-communicable diseases*, NCD) seperti penyakit jantung, darah tinggi, kencing manis dan kanser. Pada tahun 2023, PERKESO telah memperbaharui HSP melalui HSP Fasa 3 (HSP 3.0) menerusi peningkatan parameter saringan kesihatan dengan skop ujian yang lebih komprehensif kepada semua pencarum termasuklah pencarum yang pernah₁ menjalani saringan kesihatan di bawah HSP

sebelum ini. HSP3.0 telah ditawarkan sejak 16 Mei 2023 dan akan berakhir pada 31 Disember 2023.

PERKESO berharap program CSR ini dapat menjadi pendorong untuk lebih ramai golongan pekerja dan seluruh rakyat Malaysia dalam mengamalkan gaya hidup yang sihat. PERKESO menyeru semua pekerja yang layak untuk menjalani program saringan kesihatan secara berkala bagi mengelakkan sebarang risiko menghadapi NCD yang boleh mengakibatkan hilang upaya kekal atau kematian.

**Dikeluarkan oleh:
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
8 Ogos 2023**

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:
Mohd Wazid Zaidon
+6017-6193181
wazid.zaidon@perkeso.gov.my**